



---

# MINDA PKN

---

MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN KEWANGAN  
DAN AKAUN (JPKA) PERINGKAT NEGERI BIL. 3/2021



## ISI KANDUNGAN

1

TATACARA PEROLEHAN &  
KEWANGAN KERAJAAN

2

PEMBAYARAN AP58(α)

3

PEMBAYARAN AP59



1

## TATACARA PEROLEHAN & KEWANGAN KERAJAAN

Teguran YB Dato' Dr. SUK dan  
Teguran YB Dato' PKN

SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI  
Pejabat Setiausaha Kerajaan  
Tingkat 5, Blok A, Wisma Negeri  
70503 Seremban,  
Negeri Sembilan Darul Khusus

Telefon : 06-7632041 (Talian Terus)  
06-7659911  
No. Faks : 06-7673728  
Email : drrazali@ns.gov.my

Ruj. Kami : SUKNS.600-1/2/16/4 Jld. 2 (32)  
Tarikh : 28 Julai 2021

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN A

YB Dato'/YAA Dato'/YBhg. Dato'/YBrs. Dr/Tuan/Puan,

**PERINGATAN: MENDAPATKAN PANDANGAN AWAL JABATAN YANG BERKAITAN BAGI PENGURUSAN PEROLEHAN DAN KEWANGAN KERAJAAN BAGI JABATAN/AGENSI DI BAWAH PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN**

Saya dengan hormat dan takzimnya menarik perhatian YB Dato'/YAA Dato'/YBhg. Dato'/YBrs. Dr/tuan/puan berhubung perkara tersebut di atas.

- Untuk makluman YB Dato'/YAA Dato'/YBhg. Dato'/YBrs. Dr/tuan/puan, adalah menjadi tanggungjawab Jabatan/Agensi untuk memastikan setiap proses bagi semua perkhidmatan yang dilaksanakan terutama berkaitan Pengurusan Perolehan dan Kewangan perlu sentiasa mematuhi peraturan/ tatacara dan garis panduan yang berkuat kuasa dari masa ke semasa bagi mengelakkan sebarang ketidakakuran dan berlakunya ketirisan terhadap dana Kerajaan.
- Adalah diingatkan agar Jabatan/ Agensi sentiasa mengambil perhatian yang serius dengan mematuhi setiap peraturan/ tatacara dan garis panduan yang berkuatkuasa. Jabatan/ Agensi juga disarankan untuk mendapatkan pandangan awal Jabatan yang berkaitan bagi mengelakkan sebarang ketidakakuran dan seterusnya memastikan perkhidmatan dapat dilaksanakan dengan cekap, teratur dan telus.
- Sehubungan dengan itu, Jabatan/ Agensi juga perlu sentiasa mengingatkan pegawai-pegawai di Jabatan masing-masing agar memelihara integriti sepanjang masa dan memberi tumpuan sepenuhnya terhadap pelaksanaan tugas/ tanggungjawab yang diamanahkan dengan baik dan berkesan.

KERAJAAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

Surat YB Dato' Dr. Setiausaha Kerajaan bertarikh 28 Julai 2021: "Peringatan Mendapatkan Pandangan Awal Jabatan Yang Berkaitan Bagi Pengurusan Perolehan dan Kewangan Kerajaan Bagi Jabatan Atau Agensi Di Bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan".

PEGAWAI KEWANGAN NEGERI  
Pejabat Kewangan Negeri,  
Tingkat 5, Blok D, Wisma Negeri,  
70503 Seremban,  
Negeri Sembilan Darul Khusus.

Telefon : 06 - 7624686 (Talian Terus)  
06 - 7659961  
06 - 7659962  
No. Faks: 06 - 7636352  
06 - 7671702

Fail kami : P-Kw.N/N.S (349) 600/4 Kit.7 (03)  
Tarikh : 15 Zulhijah 1442H  
4 Ogos 2021

**YBHG DATO'/ YAA DATO'/ TUAN/ PUAN  
KETUA-KETUA JABATAN NEGERI**

**DATUK BANDAR/ YANG DIPERTUA  
PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF/ PENGARAH  
BADAN BERKANUN NEGERI**

**NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

YBhg. Dato'/ YAA Dato'/ Tuan/ Puan,

**PERINGATAN TERHADAP PEMATUHAN PERATURAN DAN TATACARA  
KEWANGAN BAGI PEROLEHAN KERAJAAN**

Saya dengan hormat dan takzimnya menarik perhatian YBhg. Dato'/ YAA Dato'/ Tuan/ Puan kepada perkara di atas dan surat YB Dato' Dr. Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan bil.(32) dlm.SUKNS.600-1/2/16/4 Jld.2 bertarikh 28 Julai 2021 adalah berkaitan.

- Dimaklumkan bahawa, Pentadbiran ini **menyambut baik dan menyokong sepenuhnya** peringatan yang telah dikeluarkan oleh YB Dato' Dr. Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan berkaitan keperluan semua Jabatan dan Agensi untuk mendapatkan pandangan awal Jabatan yang berkaitan bagi pengurusan perolehan dan kewangan Kerajaan.
- Untuk makluman YBhg. Dato'/ YAA Dato'/ Tuan/ Puan, berdasarkan pemerhatian di sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada tahun 2021, Pentadbiran ini telah memberikan **14 kelulusan khas** yang melibatkan **perolehan berkaitan Covid-19, Pusat Pemberian Vaksin (PPV) serta Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC)** di mana **anggaran kos yang terlibat adalah sebanyak RM9,003,014.50.**

KERAJAAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

Surat YB Dato' Pegawai Kewangan Negeri bertarikh 4 Ogos 2021: "Peringatan Terhadap Pematuhan Peraturan dan Tatacara Bagi Perolehan Kerajaan".



1

## TATACARA PEROLEHAN & KEWANGAN KERAJAAN

Jumlah dan Nilai Kelulusan  
Khas Diberi Di Bawah AP168

Perolehan untuk:



COVID-19



PKRC



PPV

Jumlah kelulusan khas diberi

14

Nilai keseluruhan kelulusan khas:

**RM 9,003,014.50**



1

## TATACARA PEROLEHAN & KEWANGAN KERAJAAN

### Definisi Perbelanjaan & Perolehan Darurat

#### AP 55

1. Perbelanjaan patut dilakukan dengan **SEGERA**;
2. **TIADA** peruntukan bagi perbelanjaan tersebut; dan
3. Masa **TIDAK MENGIZINKAN** bagi mengikut kaedah biasa.

#### AP 173.2

1. Perolehan perlu dibuat **SEGERA / SERTA MERTA**;
2. **ADA** peruntukan bagi perbelanjaan tersebut; dan
3. **TERHAD** untuk menampung keperluan sahaja.

Perolehan COVID-19 **TIDAK BOLEH** diklasifikasikan sebagai Perbelanjaan Darurat di bawah AP 55 atau Perolehan Darurat di bawah AP 173.2 kerana peruntukan telah diberi awal dan boleh dirancang.




1

## TATACARA PEROLEHAN & KEWANGAN KERAJAAN

Kesimpulan - Kaedah  
Perolehan Yang Berseesuaian

### AP168 – PEMBELIAN TERUS / LANTIKAN TERUS

1. Mana-mana perolehan yang tidak mematuhi tatacara hendaklah memohon **kelulusan khas** daripada YB Pegawai Kewangan Negeri;
2. **AP169** - Membuat **kajian pasaran\***;
3. Memilih harga tawaran yang **paling menguntungkan** Kerajaan.

\*Kajian pasaran hendaklah dilaksanakan dengan telus dan **tidak menggunakan sebut harga dummy**. Pemalsuan sebut harga merupakan kesalahan di bawah Seksyen 463, 468 dan 471 Kanun Keseksaan. 

### PK7.15 – RUNDINGAN TERUS

1. Bagi perolehan yang perlu dibuat **segera** berdasarkan kriteria yang ditetapkan dalam **PK7.15**;
2. Memohon **kelulusan** daripada YB Pegawai Kewangan Negeri;
3. Melaksanakan **penilaian terhadap keupayaan** syarikat/kontraktor yang dicadangkan;
4. Melaksanakan **Rundingan Harga** berdasarkan **PK7.16**.






1


## TATACARA PEROLEHAN & KEWANGAN KERAJAAN

Kesimpulan - Kaedah Perolehan Yang Bersesuaian


PKwNS komited dalam memastikan setiap permohonan yang bersifat **urgent** akan diberi pertimbangan dan kelulusan **segera**:



Permohonan diterima melalui Whatsapp pada **7 Mei 2021**  
Kelulusan diberikan pada **7 Mei 2021**



Permohonan diterima melalui Whatsapp pada **31 Mei 2021**  
Kelulusan diberikan pada **1 Jun 2021**



Permohonan diterima melalui Whatsapp pada **9 Julai 2021**  
Kelulusan diberikan pada **9 Julai 2021**





2


## PEMBAYARAN AP58(a)

Teguran Daripada Jabatan  
Audit Negara

### PENINGKATAN BAYARAN AP58(a) TAHUN 2020 BERBANDING TAHUN 2019



Jumlah pembayaran  
AP 58(a) dalam RM



Bilangan baucar  
pembayaran AP 58(a)






2

## PEMBAYARAN AP58(a)

Tempoh Pembayaran Baucar  
Dalam Tahun 2020

Bilangan Baucar: 50  
Nilai Baucar: RM209,911.81



Bilangan Baucar: 330  
Nilai Baucar: RM1,807.370.29

■ Jan - Mei 2020    ■ Jun - Dis 2020



2

## PEMBAYARAN AP58(a)

Perincian Tempoh Perkhidmatan  
/ Bil Yang Dibayar

BIL	TEMPOH PEMBAYARAN / TEMPOH PERKHIDMATAN / BIL YANG DIBAYAR	BIL. BAUCAR	JUMLAH (RM)	% BIL. BAUCAR	% JUMLAH
1.	Jan hingga Mei 2020	330	1,807,370.29		
	Okt – Dis 2019	322	1,607,312.53	84.7	79.7
	Jan – Sept 2019	7	138,956.16	1.8	6.9
	2017	1	61,101.60	0.3	3.0
2.	Jun hingga Dis 2020	50	209,911.81		
	Okt – Dis 2019	20	52,190.95	5.3	2.6
	Jan – Sept 2019	11	112,149.71	2.9	5.6
	2018	17	37,276.70	4.5	1.8
	2016	2	8,294.45	0.5	0.4
<b>JUMLAH</b>		<b>380</b>	<b>2,017,282.10</b>		



2

## PEMBAYARAN AP58(a)

Rumusan Mesyuarat Penutup Penyata  
Kewangan 2020 Bagi AP58(a)



Mesyuarat Penutup Penyata Kewangan  
Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2020  
5 Ogos 2021 | 9.30 Pagi

- ➔ Perbincangan bersama Pejabat SUKNS pada 2 Ogos 2021 bagi menyelaraskan tindakan mengurangkan pembayaran AP58(a).
- ➔ Peringatan tegas kepada PTJ supaya menyelesaikan pembayaran bil-bil dalam tahun semasa.
- ➔ Alasan kelewatan menerima bil daripada pembekal tanpa pembuktian tidak akan diterima bagi AP58(a) mulai Ogos 2021.
- ➔ Permohonan dan kelulusan AP58(a) melalui Sistem ISPEKS.
- ➔ Pekeliling Perbendaharaan Negeri Bil. 2 Tahun 2021 - Garis Panduan Pembayaran AP58(a).



2

## PEMBAYARAN AP58(a)

Kesimpulan

PEJABAT KEWANGAN NEGERI  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS  
TINGKAT 5, BLOK D, WISMA NEGERI,  
70503 SEREMBAN.

فجابت كوارغن نكري،  
نكري سمبلين دارالخصوص

Pengurusan Kewangan      Khidmat Pengurusan      Perbendaharaan Negeri  
Telefon: 06 - 7639675      Telefon: 06 - 7659047      Telefon: 06 - 7659757 / 46 / 47 / 49 / 58  
Telefax: 06 - 7636352      Telefax: 06 - 7671702      Telefax: 06 - 7659776 / 06 - 767 5139

Ruj. Kamii : PNNS 203(01)600/9 Jld.5 (44)  
Tarikh : 12 Julai 2021

Ketua Jabatan Negeri / Pusat Tanggungjawab Negeri  
Negeri Sembilan Darul Khusus

YB. Dato/ Y. Bhg. Dato/ Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN BILANGAN 2  
TAHUN 2021**

**GARIS PANDUAN PEMBAYARAN MELALUI AP58 (a)**

1. TUJUAN

1.1 Surat Arahan ini bertujuan untuk menetapkan garis panduan kepada Pusat Tanggungjawab (PTJ) bagi pembayaran di bawah Arahan Perbendaharaan (AP) 58(a).

2. LATAR BELAKANG

2.1 Bayaran di bawah AP58(a) merujuk kepada kebenaran khas Pegawai Kewangan Negeri / Bendahari Negeri adalah diperlukan bagi membayar/menyelaras baucar perbelanjaan mengurus yang dikemukakan dalam tahun kewangan semasa, berkaitan dengan pertanggung-pertanggung-an yang kena dibayar pada atau sebelum hujung tahun kewangan yang lama.

3. PEKELILING DAN PERATURAN BERKUATKUASA

3.1 Arahan Perbendaharaan (AP) 58(a).

4. TATACARA PERMOHONAN

4.1 PTJ hendaklah mengesahkan baki peruntukan tahun semasa adalah mencukupi bagi pembayaran di bawah AP58 (a).

4.2 Permohonan pembayaran AP 58 (a) hanya boleh dipertimbangkan dengan syarat Jabatan/PTJ mempunyai:

4.2.1 baki peruntukan tahun perbelanjaan itu kena bayar;

4.2.2 baki peruntukan tahun semasa mencukupi; dan

### SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN BILANGAN 2 TAHUN 2021 BERTARIKH 12 JULAI 2021

## Syarat-Syarat Permohonan

1. Baki peruntukan tahun perbelanjaan itu kena bayar **ada**;
2. Baki peruntukan tahun semasa **mencukupi**; dan
3. Huraian penuh **sebab-sebab berlakunya kelewatan** dan nama pegawai yang bertanggungjawab perlu dinyatakan dengan jelas.

**Bendahari Negeri berhak menolak permohonan bayaran sekiranya syarat-syarat dan dokumen sokongan tidak dipatuhi**



3

## PEMBAYARAN AP59

Teguran Daripada Jabatan  
Audit Negara



Terdapat satu (1) pembayaran di bawah AP59 pada tahun 2020 berjumlah RM145,090.00.



Surat peringatan telah dikeluarkan oleh Pejabat SUKNS dan PKwNS kepada semua Jabatan dan Agensi agar memastikan tatacara kewangan dan perolehan sentiasa dipatuhi.



Sebarang kekeliruan atau perkara yang tidak jelas mengenai tatacara kewangan dan perolehan hendaklah dirujuk kepada PKwNS.



---

# SEKIAN TERIMA KASIH

---

MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN KEWANGAN  
DAN AKAUN (JPKA) PERINGKAT NEGERI BIL. 3/2021